

KUASA PENTADBIRAN NEGARA DARI PERSPEKTIF ISLAM

Oleh : Abdul Kadir bin Hj. Muhammad*

Abstrak

Artikel ini membincangkan secara ringkas kuasa atau institusi utama yang bertanggungjawab mengurus negara yang terdiri daripada Kuasa Kefeqahan, Badan Perundangan, Badan Kehakiman dan Badan Perlaksanaan Dasar. Namun kuasa kefaqahan itu diberi mandat sebagai penggubal utama dalam memastikan dasar negara tidak bercanggah dengan syara'.

The Article tries to clarify the matter of main institutions in the country administration. The institutions are Islamic Jurisprudence Institution is the most important institution in the country administration. This is to ensure that the management of the country would not go against or violate the syara'

هذا المقال يبحث باختصار عن السلطات الرئيسية المسئولة عن إدارة الدولة من السلطة الفقهية والسلطة التشريعية والسلطة القضائية والسلطة التنفيذية. والسلطة الفقهية هيأت في إدارة شؤون الدولة حتى لا تتعارض مع الشرع.

Pendahuluan

Artikel ini cuba membentang secara ringkas kuasa atau institusi utama yang bertanggung jawab mengurus negara yang dilihat dari perspektif Islam. Secara umumnya rata-rata pentadbiran negara dunia sekarang diurus oleh tiga badan utama yang terdiri dari *Badan Perundangan (Judicial)*, *Badan Perlaksanaan Dasar (Legislative)* dan *Badan Kehakiman*.

Tetapi kalau dilihat dari sudut perspektif Islam secara tidak langsung terdapat satu lagi institusi lain yang berperanan mengurus pentadbiran negara khususnya bagi memastikan dasar yang dilaksanakan oleh *Kuasa Perundangan (al-Sultah al-Tashriiyah)* tidak bercanggah dengan syariat. Institusi ini boleh disebut sebagai *Kuasa Kefeqahan (al-Sultah al-*

* Pensyarah di Jabatan Syariah KIAS

Fiqhiyah) atau apa-apa nama yang sesuai. Fungsi utamanya bagi memastikan dasar negara tidak bercanggah dengan Syara', sama ada badan ini diberi mandat sebagai penggubal utama perundangan atau menyemak apa-apa dasar sebelum diluluskan oleh *Kuasa Perundangan (al-Sultah al-Tashriiyah)*. Perbincangan akan difokuskan secara satu persatu.

Kuasa Kefeqahan (al-Sultah al-Fiqhiyah)

Institusi Kefeqahan kalau dikaji sebenarnya secara tidak rasmi telah lama wujud dalam sistem pemerintahan Islam dan ia adalah satu badan yang menjadi rujukan utama oleh pemerintah. Tujuannya sebagaimana dinyatakan ialah bagi memastikan sesuatu perundangan yang akan dilaksanakan menepati dengan kehendak Syara'. Semasa pemerintahan Khalifah al-Rashidin khususnya zaman pemerintahan Abu Bakar dan Umar, pandangan para sahabat diambil kira dalam penentuan hukum bagi sesuatu masalah. Kaedah yang diguna Khalifah bagi sesuatu masalah yang hukumnya belum jelas, mereka akan membentangkan masalah tersebut kepada para sahabat yang dikira sebagai pakar. Perkara itu akan dibincangkan bersama dan apabila terdapat kesepakatan terus dilaksanakan. Sekiranya terdapat perbezaan pendapat yang lebih rajih diterima pakai.¹

Khalifah pertama Abu Bakar al-Siddiq apabila timbul apa-apa masalah yang diajukan kepadanya, langkah pertama yang diambil ialah dengan merujuk kepada al-Quran, kemudian diikuti dengan Hadis. Sekiranya tidak terdapat dalam kedua-dua sumber tersebut beliau akan memanggil para sahabat dan sekiranya terdapat kesepakatan lalu dilaksanakan.² Antara sahabat muktabar yang menjadi rujukannya ialah Sayidina Umar, Usman, Ali, Abdul Rahman ibn Auf, Muaz ibn Jabal, Ubay ibn Kaab dan Zaid ibn Thabit.³ Demikian juga kaedah yang diguna oleh Sayidina Umar, sebagai Khalifah kedua.⁴

Kuasa Kefeqahan (Sultah Fiqhiyah) atau lujnah yang terdiri dari para fuqaha⁵ jelas turut berperanan di akhir pemerintahan Kerajaan Uthmaniyyah. Badan atau lujnah ini diberi tugas untuk menggubal dasar atau undang-undang yang berkaitan dengan muamalat (kontrak) Islam yang di kenali sebagai *al-Majallah al-Akkam al-Adliyah*. Hasilnya, undang-undang tersebut dipersetujui oleh *Badan Perundangan* dan dikuatkuasakan ke seluruh negara. Sebahagian besar dari perundangan itu adalah berasaskan kepada mazhab Hanafi.

Kepentingan Badan Kefeqahan

Mengikut Islam pengurusan atau pentadbiran negara mesti diurus mengikut Syariat Allah.⁵ Kewajipan melaksanakan dasar mengikut Syariat, antaranya Firman Allah bermaksud:

"Tidak patut bagi seseorang laki-laki yang mukmin dan perempuan yang mukmin, apabila Allah dan Rasulnya menetapkan sesuatu ketetapan, akan ada bagi mereka pilihan yang lain tentang urusan mereka. Dan barang siapa yang menderhaka Allah dan RasulNya maka sesungguhnya dia telah sesat yang nyata." (al-Ahzab : 36)

Lagi firmanNya bermaksud:

"Sesiapa yang tidak menghukum dengan apa yang diturunkan oleh Allah, maka mereka termasuk dari golongan yang melakukan kezaliman." (al-Maidah : 45)

Lagi firmanNya bermaksud:

"Maka demi Tuhanmu, mereka tidak beriman hingga mereka menjadikan kamu hakim dalam perkara yang mereka perselisihkan, kemudian mereka tidak merasakan keberatan dalam hati mereka terhadap keputusan yang kamu berikan, dan mereka terima dengan sepenuhnya." (al-Nisa' : 65)

Sehubungan dengan itu Dr. Yusuf al-Qardawi di dalam kitabnya *Madkhal li-Dirasat al-Shariat al-Islamiyah* menyatakan sebagai berikut:

Sesungguhnya mengikut tuntutan iman bahawa satu kewajipan seseorang mukmin patuh kepada hukum Allah dan RasulNya, dan tidak ada pilihan bagi mereka dalam perkara tersebut selepas Allah meredai Islam sebagai agamaNya.⁶

Dari kenyataan di atas jelas menunjukkan mengikut sistem politik Islam bahawa terdapat sempadan dan ukuran tertentu bagi hukum-hukum dunia di mana pemerintah tidak boleh melanggar sempadan yang ditentukan Syara'.⁷

Dengan itu ternyata para fuqaha' yang menganggotai badan ini memainkan peranan penting dalam menentukan sesuatu perundangan atau dasar yang akan dilaksanakan menepati dengan hukum-hukum yang ditentukan oleh al-Quran dan Sunnah Rasulullah. Memantau atau merangka apa-apa perjanjian yang di tanda tangani baik di peringkat negara atau antarabangsa tidak

menyalahi Syariah. Kuasa kefeqahan ialah kuasa yang paling layak membantu *Kuasa Perundangan (al-Sultah al-Tashriiyah)* mempertahankan ummah dari penyelewengan akidah dan akhlak.

Dengan otoriti yang ada pada anggota badan ini, ia juga merupakan badan yang paling sesuai bagi memantau aktiviti *Kuasa Pelaksana (al-Sultah al-Tanfiziah)* supaya melaksana sesuatu urusan yang diamanahkan selari dengan kehendak *Badan Pembuat Dasar* dan Syariah.⁸ Bagaimana pun badan ini tidak boleh mempunyai bidang kuasa ke atas *Badan Kehakiman* yang merupakan badan bebas yang mempunyai otoritinya tersendiri.

Berasas kepada realiti di atas jelas tidak dinafikan khususnya pada masa ini *Badan Kefeqahan* amat diperlukan dalam sistem politik Islam kerana banyak persoalan-persoalan baru yang timbul dan ini perlu kepada penyelesaian hukum. Lebih-lebih lagi mereka yang terlibat dengan *Kuasa Perundangan* sibuk dengan urusan lain dan sudah tentu tidak mempunyai masa yang cukup untuk menggubal perundangan dan dasar yang selari dengan tuntutan Syara'.

Bagi menjamin keberkesanan *Badan Kefeqahan* perlulah ia bebas dari mana-mana kuasa baik *Kuasa Perundangan* atau *Kuasa Pelaksana Dasar*. Pandangan dan nasihat mereka perlulah mengikat *Kuasa Perundangan* dan *Kuasa Pelaksana*.

Kuasa Perundangan (al-Sultat al-Tashriiyah)

Kuasa Perundangan (al-Sultab al-Tashri'iyyah) mengikut pengurusan sekular adalah badan tunggal melulus sesuatu dasar negara baik dalam penyusunan masyarakat, aktiviti ekonomi atau mengadakan perundangan baik yang melibatkan jenayah, sivil, perniagaan, sama ada yang berkaitan dengan kewangan atau kontrak. Mengadakan undang-undang yang melibatkan agensi kerajaan dan seterusnya merangka dasar bagi hubungan luar.⁹ Badan ini mempunyai kuasa mutlak dalam apa hal, tanpa melihat sama ada bercanggah atau tidak dengan nilai-nilai masyarakat atau nilai-nilai kemanusiaan sejagat, sama ada sesuai atau tidak dengan tabi'i manusia atau pun tidak. Ia bergantung sepenuhnya kepada selera mereka yang menganggotai badan ini.

Bagaimana pun mengikut Islam *Kuasa Perundangan* tidak mempunyai kebebasan mutlak sebagaimana yang diamalkan oleh sistem demokrasi ala barat. Mengikut sistem pemerintahan Islam dalam melulus sesuatu dasar negara atau perundangan, badan ini terikat dengan ketentuan Syara', baik

perkara yang melibatkan undang-undang diri (keluarga) , ekonomi, jenayah hudud, qisas, ta'zir atau lain-lain bentuk undang-undang.

Bagi perkara yang jelas hukumnya termaktub di dalam al-Quran atau pun hadis khususnya perkara yang melibatkan hudud dan qisas tidak perlu kepada ijtihad. Dengan erti kata lain perkara yang qat'i tidak perlu kepada ijtihad. Ijtihad hanya berperanan bagi sesuatu perkara yang tidak dinyatakan kedudukannya secara jelas oleh al-Quran atau pun hadis.

Untuk memastikan kelangsungan perlaksanaan Syariah bagi sesebuah negara, Dr. Muhammad Faruq al-Nubhan¹⁰ menjelaskan *Kuasa Perundangan* dalam merangka perundangan atau dasar negara prinsip-prinsip berikut mestilah diambil kira:

- i) Perundangan yang dilulus tidak berlaku pertembungan dengan perundangan Syara'. Dengan itu *Badan Perundangan* perlu mengetahui dengan jelas perbezaan di antara undang-undang yang berasaskan nas yang nyata dengan undang-undang yang berasaskan kepada ijtihad.
- ii) Badan Perundangan perlu menjaga kemaslahatan ummah. Kepentingan ummah mesti diutamakan dalam merangka sesuatu dasar.
- iii) Kepentingan akhlak perlu diutamakan dalam merangka sesuatu polisi. Sesuatu dasar atau perundangan yang dikuatkuasakan tidak bertembung dengan nilai-nilai akhlak.
- iv) Seterusnya mereka yang menganggotai *Badan Perundangan* negara terdiri dari mereka yang mempunyai kewibawaan baik dari sudut kemampuan keilmuan, kematangan, kepekaan dan keprihatinan.

Jelas prinsip-prinsip atau ciri-ciri tersebut merupakan ciri-ciri terpenting bagi sesebuah negara Islam. Dengan itu sebagaimana dijelaskan di atas tadi Badan Kefeqahan memainkan peranan penting dalam membantu *Badan Perundangan*.

Kuasa Pelaksana Dasar

Badan Pelaksana Dasar yang juga dikenali sebagai *Kuasa Eksekutif (al-Sultab al-Tanfiziyah)*. Badan ini diketuai oleh Ketua Kerajaan sama ada

Perdana Menteri atau sebagainya dengan dibantu oleh jemaah menteri serta kakitangan awam yang dilantik oleh kerajaan.¹¹ Ia juga merangkumi angkatan bersenjata dan polis¹².

Institusi ini adalah sebagai nadi kepada pentadbiran negara yang bertanggungjawab melaksana urusan pentadbiran harian apa-apa dasar yang dipersetujui dan diputus oleh *Kuasa Perundangan* yang dibantu oleh *Badan Kefeqahan*.¹³

Mengikut Islam mereka yang terlibat dengan kuasa pelaksana mesti melaksanakan tanggungjawab dengan penuh ikhlas, dedikasi dan amanah.

Firman Allah bermaksud:

"Kerjalah kamu, maka Allah dan Rasulnya serta orang-orang mukmin akan melihat pekerjaan mu itu, dan kamu akan dikembalikan kepada Yang Mengetahui akan yang ghaib dan nyata (Allah), lalu diberitakanNya kepada kamu apa yang telah kamu kerjakan." (al-Taubah : 105)

Lagi firmanNya bermaksud:

"Sesungguhnya bagi kamu ada (malaikat-malaikat) yang mengawal (pekerjaanmu) yang mulia (di sisi Allah) yang mengetahui apa yang kamu kerjakan." (al-Insitar : 10-12)

Lagi firmanNya bermaksud:

"Sesungguhnya kami tidak mensia-siakan pabala mereka yang melaksanakan sebaik-baik pekerjaan."

Rasulullah bersabda:

إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ إِذَا عَمِلَ أَحَدٌ كُمْ عَمَلَ أَنْ يَقْتَدِي

(Riwayat Muslim dan Ahmad)

Maksudnya : *"Sesungguhnya Allah kasib (kepada seseorang) apabila ia melaksanakan sesuatu pekerjaan dengan rapi"*

Dari beberapa dalil di atas ternyata Islam amat menekankan kepada para pekerjanya supaya melaksana pekerjaan dengan ikhlas, rapi (tekun), dedikasi dan ikhlas supaya usaha-usaha yang dilakukan dapat menghasilkan natijah

yang berkualiti dan sesuai dengan arahan pihak yang lebih tinggi selama mana tidak bercanggah dengan Syara'.

Bagi memastikan mereka yang terlibat dengan institusi pelaksana ini melaksana tanggungjawab kerajaan, mestilah mereka dipilih dari kalangan yang benar-benar layak dan berkemampuan. Al-Khayyat (Dr) menjelaskan¹⁴ :

Menjadi kewajipan Ketua Negara memilih penolong-penolongnya dari kalangan mereka yang layak dan berkemampuan melaksanakan kerja dan menanggung beban pemerintahan, pegawai-pegawai yang amanah menjaga harta negara, menjadikan ikhlas sebagai tunggak, sanggup menerima nasibat sebagai tabiat atau budaya mereka, tidak melakukan pilih kasih dan rasuah dalam melaksana keadilan baik untuk diri, keluarga dan negara.

Secara umumnya mengikut Islam pegawai pelaksana mesti melaksana dasar yang diputus oleh **Kuasa Perundangan** secara jujur dan ikhlas serta dedikasi selama mana tidak bercanggah dengan Syara'.

Badan Kehakiman

Badan atau Kuasa Kehakiman mengikut Mohamed Suffian ialah satu badan untuk membincarkan dan menentukan pertikaian tentang hak dan libaliti. Juga bermaksud kuasa untuk menentukan sama ada seseorang telah melakukan jenayah atau tidak dan hukuman yang sewajar ke atasnya. Penghukuman yang dilakukan mestilah sejajar dengan kehendak perlembagaan dan undang-undang.¹⁵

Dari sudut Islam **Kuasa Kebakiman** sama dengan definisi di atas, cuma ia tidak boleh mengenakan apa-apa hukuman melainkan berdasarkan hukum Syara' yang diistinbatkan dari al-Quran dan al-Hadith.¹⁶

Keperluan Badan Kehakiman ialah;

Kuasa Kehakiman amat diperlukan kerana faktor berikut:

Pertama : Menyelesaikan Permasalahan Masyarakat

Satu perkara yang sukar dipercayai manusia dapat hidup secara bersingungan bagi memenuhi keperluan hidup tanpa berinteraksi dengan jiran dan masyarakat sekeliling. Manusia adalah satu makhluk bermasyarakat tidak

dapat hidup melainkan terpaksa berinteraksi dengan orang lain. Keadaan ini akan berterusan sehingga tamatnya riwayat dunia.

Apabila manusia merupakan makhluk bermasyarakat, ia akan berusaha memenuhi keperluan hidupnya dan ini kadangkala membawa kepada menceroboh hak orang lain sama ada secara sedar atau tidak sedar. Akhirnya terjadi pertikaian antara satu sarma lain. Bagi menyelesaikan permasalahan yang timbul, perlu wujud peraturan atau undang-undang bagi mengawal dan menyelesaikannya. Undang-undang atau peraturan yang digubal tidak mempunyai apa-apa erti melainkan wujud sistem kehakiman yang dapat melaksana undang-undang atau peraturan yang digubal dalam menegak keadilan.

Kedua : Menegak Keadilan

Keadilan adalah satu tuntutan. Firman Allah bermaksud:

"Sesungguhnya Allah memerintah kamu melaksana amanah kepada ablinya (orang yang berbak) dan apabila kamu melaksana hukuman hendaklah kamu berlaku adil". (al-Nisa' : 58)

Bagi mencapai matlamat keadilan sebagaimana ayat di atas Islam telah menetapkan syarat-syarat ketat kepada para hakim dan kaedah-kaedah pensabitan yang begitu kemas. Walau bagaimana cantik atau sempurnanya undang-undang dan prosedur sesuatu keadilan tidak tercapai melainkan pelaksana terdiri dari mereka yang betul-betul mampu dan jujur (takwa) dalam melaksana keadilan. Islam mempunyai mekanismenya tersendiri dalam mencapai keadilan yang dituntut. Mekanisme itu adalah sebagai berikut :

1. Pembentukan Diri dan Kemampuan Hakim

Keadilan hukuman sukar direalitikan kecuali hakim mempunyai sifat jujur dan ikhlas dalam melaksana keadilan, di samping itu mempunyai kelayakan yang cukup.

Pembentukan Diri Hakim.

Terdapat banyak nas dari al-Quran dan Hadis supaya para hakim menjadi orang yang jujur dan ikhlas. Tidak dipengaruhi oleh apa-apa suasana dalam penghakiman. Antaranya firman Allah maksudnya:

"Dan apabila kamu melaksana hukuman bendaklah kamu berlaku adil". (*al-Nisa'* : 58)

Sabda Rasulullah:

فَالْقُضَاءُ ثَلَاثَةُ قَاضِيَانِ فِي الدُّنْيَا وَقَاضِيٌ فِي الْحَجَةِ رَجُلٌ قَاضِيٌ بِغَيْرِ الْحَقِّ
فَعَلِمَمْ ذَلِكَ فَذَلِكَ فِي الدُّنْيَا وَقَاضِيٌ لَا يَعْلَمُ مَا هُنَّكُ حُكْمُ النَّاسِ فَهُوَ فِي الدُّنْيَا
وَقَاضِيٌ قَاضِيٌ بِالْحَقِّ فَذَلِكَ فِي الْحَجَةِ

(Al-Tarmizi : 1344)

Maksudnya: Hakim terbahagi kepada tiga jenis, dua golongan tempatnya di neraka dan satu jenis tempatnya di syurga. Hakim yang mengenakan hukuman menyalahi apa yang sebenar sedangkan ia mengetabui perkara tersebut, maka tempatnya di neraka, Hakim yang tidak mengetabui dengan kebenaran, lalu ia menceroboh hak manusia, maka tempatnya di neraka, kadi yang mengbukum dengan kebenaran, maka tempatnya di syurga.

Lagi Sabdanya:

إِنَّ اللَّهَ مَعَ الْقَاضِيِّ مَا كُمْ بِهِ جُنُونٌ فَإِذَا جَاهَ تَحْكُمَ عَلَيْهِ وَلَرْمَةُ الشَّبَطَانِ
(Al-Tarmizi : 1351)

Maksudnya: Sesungguhnya Allah bersama (membantu) Kadi selama mana ia tidak melakukan kezaliman, maka sekiranya ia zalim, Allah melepas (tidak membantu), dan ia sentiasa bersama Syaitan.

Mempunyai Kemampuan

Walau pun sifat adil tertanam kuat dalam diri seseorang Hakim, keadilan sukar dicapai kecuali Hakim mempunyai kemampuan yang cukup baik dari sudut keilmuan atau pun fizikal. Dengan sebab itu Islam mengenakan syarat-syarat ketat kepada mereka yang mahu menjawat jawatan kadi/hakim. Antara syarat-syarat itu ialah, Islam, bersifat adil, mampu berijtihad, lelaki dan selamat *panca indera*, ¹⁷baligh, sempurna pemikiran dan merdeka.

Jawatan kehakiman ialah jawatan yang perlu kepada pemikiran yang matang. Ia tidak tercapai sekiranya hakim dilantik dari mereka yang

belum baligh dan tidak sempurna pemikiran.¹⁸ Hamba tidak layak menjadi hakim kerana ia tidak mempunyai otoriti dalam urusan yang lebih rendah, lebih-lebih lagi dalam urusan kehakiman.

Jawatan kehakiman di syaratkan Islam kerana Hakim ialah *penguasaan (wilayah)*. Orang bukan Islam tidak layak menguasai ke atas orang Islam. Selain dari itu tugas Hakim yang paling utama ialah mentatbiqkan hukum Syariah. Matlamat ini tidak terlaksana kecuali Hakim terdiri dari mereka yang beriman. (orang Islam)¹⁹ Bagaimana pun Hanafi mengharuskan Hakim bukan Islam bagi mendengar kes-kes antara mereka sahaja. Tetapi Zaidan sepandapat dengan pandangan jumhur yang tidak mengharuskan pelantikan Hakim bukan Islam di negara Islam sekalipun pertikaian yang terlibat di antara mereka. Ia berpegang kepada kesatuan undang-undang dan kesatuan sistem kehakiman bagi sesebuah negara²⁰

Bersifat adil adalah antara sifat terpenting bagi seseorang. Hakim adil bermaksud tidak melakukan dosa besar, antaranya, syirik kepada Allah, beramal dengan riba, melakukan perbuatan perzinaan dan minum arak. Tidak berterusan melakukan dosa kecil dan akhir sekali tidak melakukan perbuatan yang menjaskan maruah diri.²¹ Perbuatan-perbuatan itu boleh menyebabkan seseorang Hakim tidak adil dalam penghakiman.

Selain dari itu Hakim disyaratkan mereka yang mampu berijtihad kerana peranannya lebih penting dari seorang mufti yang hanya berperanan memberi fatwa sahaja tidak menjatuhkan hukuman sedangkan Hakim seorang yang berperanan sebagai mufti dan serentak menentukan hukuman.²² Hakim yang bukan dari ahli ijtihad tidak mampu melaksana perkara tersebut.²³

Laki-laki disyaratkan kerana penghakiman merupakan tugas berat. Ini pandangan kebanyakan para fuqaha'. Tetapi Hanafi mengharuskan Hakim perempuan bagi kes-kes selain dari Hudud dan Qisas. Kes-kes ini tidak seberat kes-kes qisas dan hudud.

Selamat Panca Indera bertujuan menegak keadilan. Dengan itu ia memerlukan kepada ketegasan, kecekapan dan pengamatan pandangan yang tajam. Matlamat keadilan sukar dicapai sekiranya Hakim terdiri dari mereka yang cacat fizikal.²⁴

2. Kelayakan Saksi

Saksi memainkan peranan penting dalam sesuatu penghakiman. Hakim adalah orang berkecuali dalam sesuatu pertikaian. Penghakimannya adalah berdasarkan kepada sejauh mana keterangan yang dikemukakan oleh saksi. Oleh sebab itu Islam amat mengambil berat tentang kelayakan atau keadilan saksi. Antara saksi mesti bersifat adil sebagaimana sifat yang ada pada para Hakim.

3. Prinsip Penghakiman Yang Jelas

Untuk memastikan penghakiman yang adil Islam telah menetapkan satu prinsip yang jelas di mana sesuatu hukuman tidak boleh dikenakan kepada seseorang melainkan terbukti kepada Hakim seseorang itu telah melakukan kesalahan tersebut. Ini dinyatakan oleh Rasulullah S.A.W. dalam hadisnya bermaksud, *hindarkan dari dikenakan bukuman budud kiranya terdapat kesamaran.*

Berasaskan kepada kenyataan di atas tidak dinafikan sistem kehakiman Islam adalah satu sistem yang mantap dalam menegapkan keadilan yang sejati, bukan keadilan yang di mekap.

Kesimpulan

Dari perbincangan di atas jelas Kuasa Perundangan, Kuasa Pelaksana dan Kuasa Kehakiman merupakan tonggak-tonggak utama bagi mentadbir negara mengikut sistem demokrasi ala barat. Kuasa Perundangan merupakan kuasa tertinggi dan mutlak memperundangkan sesuatu dasar tanpa terikat dengan mana-mana kuasa. Kuasa Pelaksana dan Kuasa Kehakiman akan melaksanakan mengikut apa yang diperundangkan oleh Kuasa Perundangan.

Dari sudut pandangan Islam selain dari tiga kuasa tersebut, di sana terdapat lagi suatu kuasa yang memainkan peranan penting dalam pentadbiran negara. Kuasa itu boleh disebut sebagai **Kuasa Kefeqahan**. Badan ini amat penting bagi memastikan segala dasar dan perundangan yang dilulus oleh Badan Perundangan adalah selari dengan Syariat Allah.

NOTA HUJUNG

- ¹ Zaydan, Abd al-Karim (1989) *al-Madkhal li Dirasat al-Shariat al-Islamiyah*. Beirut: Muassasat al-Islamiyah, hlm. 100.
- ² Zaydan, (1989) *al-Madkhal*, Ibid. hlm. 100.
- ³ Al-Khayatt, Abd al-Aziz 'Azzat (1999) *al-Nizam al-Siasi fi al-Islam, al-Nazariyah al-Siasah Nizam al-Hukm*, al-Qahirah: Dar al-Salam, hlm. 235.
- ⁴ Zaydan, (1989) *al-Madkhal*, hlm. 100
- ⁵ Uthman, Abd Uthman, (1994) *al-Daulah al-Islamiyah Bayna al-Nizam al-Watani al-Dimuqrati h ...*Beirut: Dar wa Maktabat al-Hilal, hlm. 74
- ⁶ Yusuf al-Qaradawi. *Madkhal li-Dirasat al-Shariat al-Islamiyah* hlm. 224
- ⁷ Uthman, Ibid, hlm. 74
- ⁸ Uthman, Ibid, hlm. 51
- ⁹ Uthman, Ibid, hlm. 52
- ¹⁰ Al-Nubhan, Muhammad Faruq (1974) *Mabadi` al-Taqafah al-Islamiyah*, al-Kewait: Dar al-Buhur al-Ilmiyah, hlm. 369
- ¹¹ Uthman, Abd Uthman (1994), hlm. 52
- ¹² Al-Khayyat (1999) , hlm.153
- ¹³ Uthman, (1994), hlm. 52.
- ¹⁴ Ibid, 207
- ¹⁵ Mohamed Suffian, (1990) hlm. 62.
- ¹⁶ Al-Khayyat (1999, hlm. 247).
- ¹⁷ Zaidan (1989), hlm. 23
- ¹⁸ Zaidan, (1989) hlm. 23
- ¹⁹ Zaidan, (1989) hlm. 23,
- ²⁰ Zaidan, (1989) hlm. 24
- ²¹ Zaidan, Ibid, hlm. 26
- ²² Zaidan, Ibid, hlm. 26
- ²³ Zaidan, Ibid, hlm. 26.
- ²⁴ Zaidan, Ibid, hlm. 28